

## **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

### **Pemberian Taraf Berpencen [PP 4/2003, PP 15/2001 & PP 1/2009]**

Pegawai yang telah berkhidmat selama 3 tahun dan telah disahkan dalam jawatan akan diberikan borang opsyen KWSP oleh BSM. Bagi mereka yang tidak bersetuju dengan skim KWSP secara automatiknya pegawai berada di bawah skim pencen dan pegawai akan menerima surat Pemberian Taraf Berpencen daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Bagi mereka yang pernah berkhidmat di agensi Kerajaan yang lain dan telah memilih skim pencen serta diberikan pelepasan dengan izin ke UPSI, maka pegawai tersebut tidak layak diberikan opsyen KWSP sekali lagi dan pegawai kekal di bawah skim pencen. Sebaliknya, jika di jabatan lama pegawai memilih skim KWSP, maka pegawai layak diberikan opsyen KWSP sekali lagi setelah berkhidmat selama 3 tahun di UPSI.